

11/08/1999

Kurang perhatian punca pelajar tentang kerajaan

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Sebahagian besar pelajar institusi pengajian tinggi menentang kerajaan bukan kerana dasar yang dilaksanakan, sebaliknya tidak berpuas hati dengan kurangnya usaha pemimpin negara mendampingi mereka.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, perkara itu diluahkan dalam pertemuan jawatankuasa khas Pemuda Barisan Nasional dengan pelajar terbabit dalam usaha mendapatkan maklum balas mengenai masalah pelajar, termasuk kajian semula Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Sambil mengakui itulah kelemahan pihak kerajaan berbanding parti pembangkang, beliau berkata pelajar merasakan wujudnya jurang pemisah di antara mereka dan pemimpin negara sehingga menyebabkan segelintir daripada mereka mudah mengikut parti pembangkang.

"Bagaimanapun, pelajar yang melaung-laungkan tentangan hanyalah segelintir saja, yang kuat menjerit selalunya didengar tetapi majoriti yang senyap hanya ingin bersuara dalam perjumpaan kecil-kecilan.

"Mereka merasakan bahawa pemimpin kita kurang mendampingi mereka, ada jurang di antara pemimpin dan mereka, itulah rintihan yang diluahkan pelajar di mana-mana saja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan Pelajar Baru Ireland 1999, di sini hari ini.

Hishammudin yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama, berkata maklumbalas yang diperolehi daripada pelajar akan dikaji dan dirumuskan sebelum dibentangkan kepada pucuk kepimpinan parti sebelum diumumkan.

Katanya, Pemuda BN masih perlu menemui lebih ramai pelajar bagi mendapatkan maklum balas mengenai isu semasa termasuk isu AUKU.

Katanya, pandangan awal yang diterima adalah berbeza dengan ada yang mengatakan AUKU tidak perlu dipinda, manakala sebilangan yang lain pula mendakwa akta itu membolehkan pelajar menjadi mangsa penindasan.

"Sekarang saya nak tengok fakta sama ada betul ada ketidakadilan atau penindasan," katanya.

Mengenai pendedahan Anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Ibrahim Ali, bahawa Pas menggunakan koperasi untuk menarik pelajar menyertai parti, Hishammudin berkata Pemuda Umno sedang memantau perkara itu.

Katanya, pergerakan itu tidak teragak-agak bertindak bagi mempertahankan pelajar daripada diperalatkan parti pembangkang untuk tujuan politik menerusi persatuan atau koperasi yang diwujudkan kononnya untuk kebajikan pelajar.

"Kita tidak mahu melihat pelajar kita dipergunakan parti pembangkang untuk mencapai agenda politik mereka," katanya.

Mengenai pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyimpan rahsia kerajaan di luar negara untuk digunakan bagi kepentingan peribadi, Hishammudin berkata beliau amat kecewa dengan perbuatan itu.

Katanya, rakyat perlu sedar muslihat parti pembangkang dan bangun mempertahankan institusi negara yang diwarisi daripada barisan pemimpin terdahulu yang memperjuangkan kemerdekaan negara.

"Mereka (pembangkang) mengamalkan knosep matlamat menghalalkan cara, mereka sanggup menggadaikan maruah negara dan bangsa untuk kepentingan individu," katanya sambil mempersoalkan niat Anwar membangkitkan perkara itu hanya selepas dipecat daripada kerajaan dan parti.

Pada majlis itu, Hishammuddin turut mengambil kesempatan berdialog dengan 28 pelajar tajaan Mara yang akan ke Ireland untuk mengikuti kursus

perubatan.

Beliau berkata, hakikat bahawa mereka adalah kumpulan pertama pelajar tajaan kerajaan yang dihantar semula ke Ireland selepas pembekuan penghantaran tahun lalu, membuktikan ekonomi negara semakin pulih dan kerajaan tidak mengabaikan kebajikan pelajar.

(END)